

09 NOV 1996

BUSINESS FOCUS BUKA BANK DI GHANA

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Business Focus Group telah mengadakan majlis pembukaan besar-besaran banknya di Ghana, iaitu Metropolitan and Allied Bank (Ghana) Ltd (MAB), pada hari Khamis.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, yang sedang dalam lawatannya ke Ghana, menyaksikan pembukaan bank pertama milik usahawan Malaysia di Afrika itu.

Pengerusi eksekutif Business Focus Group Datuk Amin Shah Omar Shah, yang hadir pada upacara itu, berkata bank tersebut merupakan ahli penting kumpulan Business Focus dan bersedia menjadi laluan kewangan utama antara Malaysia dan Ghana.

Ini adalah kerana apabila pertumbuhan kewangan perniagaan di Malaysia dan Asia terus meningkat, pelaburan Asia di Afrika akan turut meningkat dengan banyaknya, katanya dalam satu kenyataan yang disiarkan di sini hari ini.

Pengerusi eksekutif MAB ialah Alex Ashiabor, bekas gabenor Bank Pusat Ghana dan bekas ketua Bahagian Komoditi Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) berpangkalan di Geneva, manakala pemegang saham bank tersebut terdiri daripada usahawan, ahli-ahli profesional dan pelabur-pelabur dari syarikat-syarikat seperti Kewangan Dalam Negeri dan Amanah Insurans Negara. -- BERNAMA

FR KY MA